



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA KENYATAAN MEDIA

Bil. 27 / 2022

URUSAN PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.161 PULAI DAN DEWAN NEGERI N.13 SIMPANG JERAM, JOHOR

1. Hari ini telah dijalankan urusan penamaan calon bagi PRK Parlimen P.161 Pulai dan Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor **bermula pukul 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi.**

2. Sejurus tamatnya tempoh penamaan calon, sebanyak **TIGA (3)** **kertas penamaan** telah dikemukakan oleh calon-calon yang akan bertanding dalam **PRK Parlimen P.161 Pulai** dan sejumlah **TIGA (3)** **kertas penamaan** bagi **PRK Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor** telah diterima. Senarai nama calon mengikut cabutan undi seperti berikut:

1. PARLIMEN P.161 PULAI

BIL	NAMA CALON	PARTI
1	SAMSUDIN PKPKL	BEBAS
2	ZULKIFLI JAAFAR	PERIKATAN NASIONAL
3	SUHAIZAN KAIAT	PAKATAN HARAPAN

2. DEWAN NEGERI N.13 SIMPANG JERAM, JOHOR

BIL	NAMA CALON	PARTI
1	DR. MAZRI YAHYA	PERIKATAN NASIONAL
2	IR. TS. HAJI NAZRI	PAKATAN HARAPAN
3	JEGHANAATHAN	BEBAS

3. **Tempoh berkempen bermula selepas pengisytiharan pilihan raya dipertandingkan oleh Pegawai Pengurus sehingga jam 11.59 malam, 8 September 2023 (Jumaat).**
4. SPR telah menubuhkan sebanyak **dua (2) Pasukan Penguin Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** bagi Parlimen P161 Pulai dan **satu (1) PP-KPR** bagi Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor untuk

memantau semua aktiviti calon-calon yang bertanding ketika berkempen.

5. Calon-calon yang telah membayar deposit bahan kempen pilihan raya sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, adalah juga tertakluk kepada undang-undang kecil mana-mana pihak berkuasa tempatan bagi tujuan **mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya** yang mengandungi **gambar calon, lambang / simbol parti dan gambar pemimpin parti gabungan / komponen secara bersama atau berasingan** yang diwakilinya .
6. Semua kaedah dan bahan kempen adalah **DIBENARKAN** selagi mana ia tidak mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau permusuhan atau berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan termasuk menyentuh isu 3R serta tidak melanggar peruntukan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].
7. Lambang/simbol/bendera parti politik calon yang bertanding termasuklah lambang/simbol/bendera parti politik komponen yang berdaftar secara rasmi atau tidak berdaftar secara rasmi namun menyokong/bersekutu calon parti politik bertanding tersebut dibenarkan untuk dipamerkan secara bersama atau berasingan di

bahagian pilihan raya calon tersebut bertanding (tertakluk kepada pengisytiharan yang dibuat Pegawai Pengurus pada Hari Penamaan Calon).

8. Tiada had ditetapkan kepada gambar bagi parti politik yang bertanding dan gambar pemimpin parti politik komponen/gabungan/ pakatan pada bahan kempen pilihan raya.
9. Gambar pemimpin parti politik pada bahan kempen termasuklah gambar pemimpin parti politik komponen yang berdaftar secara rasmi atau tidak berdaftar secara rasmi namun menyokong/bersekutu calon parti politik bertanding boleh digabung atau diletakkan secara berasingan tertakluk kepada bahagian pilihan raya calon/parti politik tersebut bertanding. Pemimpin yang dimaksudkan adalah individu-individu yang mempunyai apa-apa jawatan di mana-mana peringkat di dalam parti atau parti gabungan/komponen yang berdaftar secara rasmi atau tidak berdaftar secara rasmi.
10. SPR berharap agar aktiviti berkempen berjalan dalam suasana yang penuh harmoni serta mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

11. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini.
12. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Insolvensi Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Penerangan Malaysia, media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI ABDUL GHANI SALLEH
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
26 Ogos 2023 / 9 Safar 1445H